

Internet Malaysia bakal jana IKS multimedia

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Penuhuan ibu sawat Internet tempatan yang dijangka siap akhir tahun ini bakal menjana ekonomi negara dari segi Pembangunan kandungan multimedia sekali gus meningkatkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS) yang berkaitan.

Sumber Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memberitahu, kewujudan infrastruktur tersebut mampu menarik minat penyedia perkhidmatan internet (ISP) luar negara untuk melabur di sini kerana lebih menjimatkan kos.

"Dengan wujudnya ibu sawat sendiri ini nanti, ia dapat meningkatkan trafik Internet tempatan sekali

gus menjadi tarikan kepada ISP dari luar negara.

"Kesannya nanti dapat menjana ekonomi negara dalam bentuk Pembangunan kandungan khususnya IKS berkaitan multimedia," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik menyatakan bahawa Malaysia tidak lagi perlu bergantung kepada Singapura dan Amerika Syarikat (AS) untuk mengakses Internet dengan wujudnya ibu sawat sendiri selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Kewujudan infrastruktur tempatan itu akan dapat memperbaiki sistem perhubungan internet dalam

negara selain menjimatkan pertukaran wang asing.

Menurut penganalisis, trafik Internet di Malaysia kebanyakannya melalui Singapura kerana ia mempunyai keupayaan kabel telekomunikasi antarabangsa lebih besar dan dikendalikan dengan kos yang lebih murah.

MCMC telah mengadakan dua pertemuan dengan pembekal perkhidmatan internet, operator telefon serta pemilik gentian optik untuk menerangkan tentang usaha penuhuan ibu sawat Internet Malaysia.

Menurut sumber, apa yang menjadi masalah sekarang ialah untuk menentukan pihak mana yang berhak mentadbir ibu sawat berkenaan.